

**Oxymetazoline / 0.05% Decongestant Nasal Drops****Apakah yang ada pada risalah ini**

1. Apakah kegunaan Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops
2. Bagaimana Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops berfungsi
3. Sebelum mengambil Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops
4. Cara menggunakan Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops
5. Semasa menggunakan Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

**Apa kegunaan Iliadin 0.05%****Decongestant Nasal Drops**

Rinitis akut dan rinitis alergi; keradangan rongga sinus, keradangan tiub auditori dan untuk melegakan gejala yang disebabkan oleh jangkitan telinga tengah.

Melegakan kesesakan hidung.

**Bagaimana Iliadin 0.05%****Decongestant Nasal Drops berfungsi**

Bahan aktif dalam Iliadin 0.05% boleh melegakan kesesakan hidung.

Penggunaan 0.05% decongestant nasal drops dalam hidung melegakan kesesakan dalam mukosa hidung yang radang dan pesakit boleh bernafas secara normal.

Kelegaan mukosa hidung yang tersumbat juga membuka saluran sinus dan mengosongkan tiub auditori. Ini memudahkan penyingkiran rembesan dan melawan bakteria.

Kesan 0.05% oxymetazoline berlaku dalam masa beberapa saat. Kesan oxymetazoline berterusan selama 12 jam.

**Sebelum mengambil Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops****• Bila tidak boleh mengambil**

-Jika anda mengalami rinitis di mana membran mukus hidung kering secara luar biasa (rinitis sicca).

- Hipersentif terhadap bahan aktif atau mana-mana bahan dalam Iliadin 0.05% .
- Bayi dan kanak-kanak berumur bawah 6 tahun.

**• Sebelum mula mengambil**

Dalam situasi yang berikut, ubat ini hanya boleh diguna selepas menimbang nisbah risiko-ke-faedah dengan teliti:

- Pesakit yang tengah menerima rawatan dengan ubat-ubatan yang berpotensi meningkatkan tekanan darah.
- Peningkatan tekanan dalam mata, terutamanya glaukoma sudut sempit.
- Penyakit jantung yang serius (contohnya penyakit jantung koronari, tekanan darah tinggi).
- Tumor kelenjar adrenal (*Phaeochromocytoma*).
- Hipertiroidisme
- Penyakit gula darah tinggi
- Pembesaran prostat

**• Jika mengambil ubat-ubat lain**

Penggunaan ubat yang mengandungi oxymetazoline bersama dengan ubat dengan kesan hipertensi boleh menyebabkan peningkatan tekanan darah kerana kesannya pada jantung. Pengambilan berlebihan atau penggunaan ubat ini bersama atau sejurus sebelum pengambilan ubat-ubatan yang boleh menyebabkan peningkatan tekanan darah akan menyebabkan peningkatan tekanan darah.

**Cara menggunakan Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops****• Berapa banyak harus digunakan**

Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops adalah digunakan untuk aplikasi dalam hidung. Titiskan 1-2 titik Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops ke dalam kedua-dua lubang hidung 2-3 kali sehari.

Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops hanya boleh diguna oleh dewasa dan kanak-kanak berumur 6 tahun dan ke atas dan tidak boleh

digunakan pada kanak-kanak kecil dan bayi.

**• Bila perlu digunakan**

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

**• Berapa lama perlu digunakan**

Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops tidak harus digunakan lebih dari 10 hari berturut-turut. Perskripsi doktor diperlukan untuk penggunaan lebih dari 10 hari berturut-turut.

Hentikan rawatan beberapa hari sebelum penggunaan berulang. Penggunaan jangka panjang dan pengambilan dos berlebihan mesti dielakkan, terutamanya kanak-kanak.

Dos yang melebihi dos yang dianjurkan hanya boleh digunakan di bawah pengawasan pegawai perubatan.

**• Jika terlupa menggunakan**

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

**• Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Pengambilan berlebihan boleh berlaku dengan penggunaan dalam hidung atau tertelan.

Gejala-gejala pengambilan berlebihan mungkin termasuk: peningkatan tekanan darah, peningkatan degupan jantung, menggeletar, degupan jantung yang tidak teratur, serangan jantung, berpeluh, gelisah, gegaran, pengembangan bahagian pupil mata, rasa loya, muntah, sianosis, demam, kejang, peredaran darah terjejas, pembentukan cairan dalam paru-paru, gangguan pernafasan, gangguan psikik, mengantuk, pucat, miosis, penurunan suhu badan, penurunan kadar degupan jantung, penurunan tekanan darah dengan cepat dan koma.

Terutamanya kanak-kanak, pengambilan berlebihan boleh mengganggu saraf pusat dan menyebabkan sawan dan koma,

**Oxymetazoline / 0.05% Decongestant Nasal Drops**

penurunan kadar degupan jantung, pemberhentian pernafasan sementara dan peningkatan tekanan darah dan mungkin diikuti dengan penurunan tekanan darah. Jumpa doktor atau pergi ke Jabatan Kecemasan yang paling dekat jika anda terguna ubat ini secara berlebihan.

**Semasa menggunakan Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops**

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**  
Penggunaan jangka panjang dan dos berlebihan perlu dielakkan kerana keberkesanan ubat mungkin akan berkurang.

Penyalahgunaan ubat ini boleh menyebabkan:

- Kesan lantunan
- Bengkak kronik pada mukosa hidung
- Pengurangan tisu mukosa
- Kekeringan mukosa yang luar biasa

Pengawasan pegawai perubatan diperlukan untuk pesakit yang menghidapi rinitis kronik.

Dos yang melebihi dos yang dianjurkan hanya boleh diguna di bawah pengawasan pegawai perubatan.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**  
Semasa mengandung and penyusuan, Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops hanya boleh diguna kalau dinasihat doktor. Tidak melebihi dos yang dianjurkan.

**Kesan-kesan sampingan**

Kesan advers adalah jarang. Kesan-kesan advers termasuk sensasi terbakar dalam mukosa hidung, hidung yang kering, bersin (terutamanya pada pesakit yang sensitif). Selepas kesan ubat berkurangan, peningkatan pembengkakan mukosa, pendarahan hidung, mengantuk, keadaan separuh sedar, sakit kepala, menggeletar, peningkatan degupan jantung, tekanan darah tinggi, tindak balas hipersensitiviti, insomnia, kegelisahan dan keletihan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)”.

46150 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
19 Julai 2013

**Cara penyimpanan dan pelupusan Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops**

- **Penyimpanan**  
Jangan simpan di tempat melebihi 25°C.  
Jauhkan dari kanak-kanak.  
Selepas dibuka, Iliadin 0.05% Decongestant Nasal Drops tidak harus diguna lebih dari 6 bulan.

- **Pelupusan**  
Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Amalkan langkah-langkah ini untuk melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- **Rupa dan warna produk**  
Cecair yang jelas dan tidak berwarna

**Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif  
1ml Iliadin 0.05% mengandungi 0.5mg oxymetazoline hydrochloride
- Bahan tidak aktif  
Asid sitrik monohidrat, benzalkonium klorida 50% (sebagai pengawet), natrium sitrat, gliserol 85%, air yang ditapis.

- **Nombor MAL:**  
MAL19870787A

**Pengilang**

Merck KGaA, Frankfurter Str. 250,  
D-64293 Darmstadt, Germany

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Merck (M) Sdn Bhd (178145-V)  
Level 3, Menara Sunway Annexe,  
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,